

Tupperware Brands kembalikan sinar hidup

Selain menjana pendapatan, Alison turut dibantu apabila ditimpa masalah dalam rumah tangga



>>Oleh Nor Faizah Mohamed
faizah@hmetro.com.my

GARA-GARA wanita lain, Alison Yu Siew Lee hampir berputus asa dalam kehidupannya dan pernah terfikir untuk me-
ragut nyawanya sendiri selepas diceraikan suami tatkala anak tunggal mereka, Christopher Earnst baru berusia lapan tahun.

Sudahlah tidak bekerja kerana menjadi suri rumah sepanjang perkahwinan itu, Alison buntu mengengahkan nasib diri serta anak lelakinya itu apatah lagi bekas suami tidak berpendapatan tinggi dan tidak berupaya menghulurkan perbelanjaan yang mencukupi.

Namun, perkenalannya dengan seorang rakan yang mengesyorkan peluang perniagaan Tupperware Brands nyata membina semula semangat dirinya, sekali gus berusaha bangkit daripada kesedihan itu.

"Kali pertama saya diperkenalkan mengenai Tupperware Brands lebih 10 tahun lalu. Ketika itu saya masih seorang suri rumah yang jarang bersosial dengan

rakan kerana lebih memberi tumpuan kepada rumah tangga dan anak yang masih bayi.

"Mulanya saya mendaftar sebagai ahli Tupperware Brands sebagai suka-suka kerana ingin mengisi masa lapang serta menambah pendapatan keluarga memandangkan suami ketika itu bekerja sebagai pegawai polis dengan gaji yang kecil.

"Apabila suami berpindah ke Kuching dari Sibul (Sarawak), secara perlahan saya teruskan aktiviti Tupperware ini walaupun perasaan takut dan malu masih tebal dalam diri," ujar wanita berusia 50 tahun itu.

Langit bagaimanapun tidak selalu cerah kerana ketika Alison mula serius dalam bidang itu pada 2003, suaminya tiba-tiba berubah sikap lalu meninggalkan dua beranak kerana ingin bersama wanita lain.

"Saat itu saya rasakan langit seperti menghentam seluruh tubuh dan saya bagaikan kurang siuman serta tidak terurus kerana terlalu sedih dengan perceraian itu. Saya memang langsung tidak tahu apa yang perlu dilakukan," katanya.

Sedar dengan apa yang berlaku, pihak pengurusan Tupperware Brands di Kuala Lumpur segera menghantar Pengurus Perkembangan Diri, Christine Chua bagi membantu dan membimbing Alison.

"Saya hampir berputus asa dan nyaris lari meninggalkan keluarga. Tapi selepas dibantu Christine dan 'upline' saya di Kuching, Josephine Ng, saya cuba bangkit dan mula mendekati diri dengan tuhan. Saya juga lebih banyak menghabiskan masa bersama anak dan memberi perhatian kepada keperluan serta pelajarannya.

"Sungguh saya tidak sangka pihak syarikat turut mengambil berat mengenai ahlinya. Sejak

itu, saya terus bertekad mengembangkan perniagaan ini dan pada masa sama, membantu wanita lain yang turut berdepan masalah dalam kehidupan mereka," ujarnya.

Atas usaha kerasnya, Alison dinaikkan pangkat bagi jawatan perunding sebelum menjadi pengurus dalam tempoh setahun selepas insiden itu.

"Saya sebenarnya boleh dikategorikan perlahan kerana ada beberapa ahli yang berjaya dinaikkan jawatan dalam tempoh beberapa bulan saja kerana saya masih baru di Kuching dan tidak begitu kenal dengan orang di sekeliling.

"Jadi, saya mula giatkan usaha dengan kerap mengadakan

parti Tupperware Brands di rumah jiran, perkenalkan produk ini di kem tentera dan polis serta menyertai pelbagai kursus bagi membantu memperbaiki komunikasi dan penguasaan bahasa Inggeris saya," katanya.

Bermula dengan hanya RM50 yang diterimanya daripada suami ketika bergelar suri rumah dulu, Alison kini meraih pendapatan mencecah lima angka serta bergelar pemilik pusat perniagaan (business center owner - BCO) Amazing Team Enterprise di Kuching.

"Dulu saya hanya menerima RM50 setiap bulan daripada suami sebagai duit poket dan wang itu digunakan untuk membeli keperluan atau keinginan saya seperti pakaian, kasut dan barangan solekan.

"Dengan jumlah itu, saya tidak mampu membeli alat solekan serta pakaian berkualiti dan saya lebih cenderung membeli kemeja-T bersama seluar sukan kerana ia jauh lebih murah.

"Ketika kali pertama saya menerima cek selepas tiga bulan menjadi ahli, pelbagai perasaan bercampur-baur kerana ia hasil usaha saya dalam bidang ini. Dengan cek berjumlah RM185 itu saya gunakan untuk membeli pakaian baru, blaus dan seluar yang sesuai untuk saya gunakan ketika bertemu pelanggan.

"Pencapaian yang saya raih hari

ini semuanya hadir atas dorongan dan bantuan rakan serta pihak syarikat yang prihatin dengan masalah serta keperluan ahlinya," kata Alison.

Tegasnya, sikap positif perlu sentiasa ada dalam diri kerana hidup ini akan sentiasa mengalami pelbagai halangan bagi menguji tahap ketahanan diri masing-masing.

"Saya masih berada di sini mungkin kerana saya berusaha kekal positif dalam apa jua masalah. Saya pernah didiagnosis menghidap barah rahim pada Mac 2009. Menurut doktor, saya hanya ada masa lima bulan untuk hidup dan pembedahan tidak mampu membantu kerana dikuatiri membahayakan disebalikkan saya melahirkan Christopher secara pembedahan.

"Saya mencuba semua rawatan yang ada, moden dan tradisional, malah saya turut menjaga diet pemakanan sihat. Sepanjang tempoh itu, saya sedaya mungkin berfikir positif dan perlu kuatkan diri demi masa depan anak saya.

"Kini, selepas setahun, saya disahkan bebas daripada penyakit itu walaupun kesannya masih terasa. Saya percaya semuanya berlaku kerana semangat yang tidak mudah mengalah serta berusaha menanganinya dengan fikiran positif dan terbuka," katanya.

FOTO | Supiwan Ahmad



ALISON (INSPIRA05)...
sikap positif perlu sentiasa ada dalam diri.

Jika anda memiliki kisah benar yang mampu menjadi dorongan bagi wanita sama ada kisah peribadi atau teman, e-mel kami di myinspira@tupperware.com untuk memenangi Anugerah Wanita Inspira Tupperware Brands (Bahagian Pembaca) dan juga lawatan ke Korea Selatan.

Jika kisah ini menjadi inspirasi bagi anda, sila undi dan menang hadiah sumbangan Tupperware Brands berjumlah RM50,000. Hadiah minggu ini ialah **Insulated Round Server** (gambar di bawah) bernilai RM65



Sila taip

<tupperware><jarak><anugerah><jarak>
<inspira05><jarak><nama anda><jarak><negeri
anda> hantar sms ke 32300.

Cth: tupperware anugerah inspira05 Anita Sofia Selangor.
RMO.60 akan dikenakan untuk setiap SMS. Kadar caj biasa telco dikenakan.

Tingkatkan taraf hidup anda dengan



**Tupperware
Brands**

Memperkayakan • Mendidik • Menceriakan

Sertailah ribuan wanita Malaysia dan lebih 2 juta di serata dunia yang telah berjaya bersama Tupperware Brands.
Tel: 1 800 88 3456
www.tupperwarebrands.com.my

Tupperware

naturcare

BEAUTYCONTROL

TUPPERCHEF

Tupper Clean